

Headline	3 Festival Malaysia jual Musang King		
MediaTitle	Harian Metro (Timur)		
Date	25 Jul 2019	Color	Full Color
Section	News	Circulation	7,330
Page No	42	Readership	21,990
Language	Malay	ArticleSize	204 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 6,012
Frequency	Daily	PR Value	RM 18,035



## 3 Festival Malaysia jual Musang King

**Raub:** Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) menganjurkan tiga promosi makan durian Musang King melalui Festival Malaysia di peringkat antarabangsa sepanjang tahun ini.

Program pertama yang bermula hari ini di Singapura berlangsung selama empat hari, diikuti Australia pada September dan Jepun, November depan.

Pengerusinya, Ishak Ismail berkata, selepas kejayaan mengeksport Musang King ke China, kini tiba masanya ia diperluaskan negara lain.

Katanya, tidak mustahil durian keluaran negara ini menembusi pasaran antarabangsa jika usaha mempromosikan Raja Buah itu dilakukan secara berterusan.

“Saya percaya durian Musang King dan jenis lain seperti D24, IOI, Udang Merah dan Traka dapat dipasarkan



ISHAK (dua dari kanan) dan Rosli (dua dari kiri) melihat durian Musang King.

“

**Setakat ini, kita memastikan proses penghantaran durian Musang King ke China berjalan lancar**

Ishak

secara lebih komersial di Singapura, Australia dan Jepun tidak lama lagi.

“Setakat ini, kita memastikan proses penghantaran durian Musang King ke China berjalan lancar dan menjadi penanda aras sebelum negara seperti Jepun atau Singapura mempertimbangkan untuk membeli durian dari Malaysia,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas melawat kilang memproses durian sejuk be-

ku PHG Ever Fresh Food (M) Sdn Bhd di sini, kelmarin.

Turut hadir Pengarah FAMA Pahang, Rosli Awang Da. Kilang itu antara lima syarikat tempatan yang mendapat kebenaran mengeksport durian Musang King ke China.

Sementara itu, Ishak berkata, pihaknya akan meletakkan daerah ini dalam peta negara sebagai pengeluar utama durian Musang King berkualiti tinggi dan mempunyai rasa istimewa.

Katanya, FAMA akan bekerjasama dengan Lembaga Penggalakan Pelancongan Malaysia untuk membawa pelancong asing yang tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) terus ke daerah ini untuk mereka menikmati durian Musang King dan pelbagai jenis durian lain, termasuk produk berasaskan durian.